

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2012**

**OLEH
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

LAPORAN BENDAHARI NEGERI



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI**



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN A
Penyata Perbelanjaan
Mengurus



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN B
Penyata Perbelanjaan
Pembangunan



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN C
Penyata Akaun Memorandum
Pinjaman Boleh Dituntut



PENYATA KEWANGAN 2012

NEGERI PULAU PINANG

LAMPIRAN D
Penyata Akaun Memorandum
Pelaburan

Surat Penyampaian



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

YANG AMAT BERHORMAT

TUAN LIM GUAN ENG

KETUA MENTERI

PULAU PINANG.

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972), saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 yang telah diaudit untuk dibentangkan di Mesyuarat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait

Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pegawai Pengawal dan kakitangan di Jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang di atas sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan kepada Jabatan Kewangan Negeri dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012. Ucapan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan anggota Jabatan Kewangan Negeri khasnya di atas dedikasi dan komitmen dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tersebut. Perancangan yang rapi dan tersusun juga telah membolehkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2012 disediakan dengan sempurna untuk diaudit serta dibentangkan di Dewan Undangan Negeri dalam sesi Bajet 2013.

Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2011

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang disediakan setiap tahun oleh Jabatan Kewangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan, 1957 (Disemak – 1972). Penyata Kewangan Kerajaan Negeri diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri melaporkan semua urusniaga kewangan sesuatu tahun kewangan. Ia mengakaun semua terimaan dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun. Lembaran Imbangan disokong oleh Penyata Aset dan Penyata Kumpulanwang Disatukan, manakala Penyata Akaun Memorandum disokong oleh Penyata Memorandum Aset dan Liabiliti.

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI 2012

Kandungan	Muka Surat
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	i - xvi
 PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	3
Penyata Kedudukan Kewangan	4
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	5
Penyata Prestasi Kewangan	7
Penyata Akaun Memorandum	8
Nota kepada Penyata Kewangan	9
Lampiran	
A. Penyata Perbelanjaan Mengurus	21
B. Penyata Perbelanjaan Pembangunan	45
C. Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	60
D. Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	62

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang ini disediakan setiap tahun mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (disemak 1972). Pada tahun ini Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang telah disedia dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 11 Januari 2013.

Penyata Kewangan ini melaporkan semua urusniaga perakaunan kecuali maklumat Aset dan Liabiliti bagi tahun 2012 di dalam Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri. Kumpulanwang ini terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Maklumat Aset dan Liabiliti dilaporkan hanya sebagai item di bawah Penyata Akaun Memorandum.

Kedudukan baki akaun Kumpulanwang Disatukan Negeri untuk tahun 2012 berjumlah RM1,192.25 juta meningkat sebanyak RM58.50 juta dari tahun 2011. Peningkatan ini adalah hasil dari peningkatan Akaun Hasil Disatukan yang meningkat sebanyak RM114.47 juta berbanding tahun 2011. Jadual 1 menunjukkan perbezaan di antara tahun 2011 dan 2012 bagi akaun-akaun di dalam Kumpulanwang Disatukan.

JADUAL 1


PERBANDINGAN KEDUDUKAN AKAUN-AKAUN KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 DAN 2011

	2012 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	+/(-) (RM JUTA)
AKAUN HASIL DISATUKAN	825.28	710.81	114.47
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0	0	0
AKAUN AMANAH DISATUKAN	366.97	422.94	(55.97)
KUMPULANWANG DISATUKAN	1,192.25	1,133.75	58.50

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Carta 1 menunjukkan perkembangan baki akaun Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2008 sehingga tahun 2012.

**CARTA 1 : KEDUDUKAN KUMPULANWANG DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2008 – 2012**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LEMBARAN IMBANGAN

Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah Wang Awam berupa Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulanwang Disatukan Kerajaan Negeri.

WANG AWAM

Wang Tunai

Selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan, baki Wang Tunai dinyatakan dalam tiga kategori iaitu Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Baki Wang Tunai sebanyak RM 7.80 juta adalah mencakupi Wang Tunai Dalam Bank sejumlah RM2.97 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM4.50 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan sejumlah RM0.33 juta.

Baki Wang Tunai di akhir tahun 2012 meningkat sebanyak RM2.11 juta berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM5.69 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Wang Tunai Dalam Perjalanan sebanyak RM4.34 juta berbanding RM0.16 juta dalam tahun 2011.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Jadual 2 menunjukkan kedudukan Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 dan 2011.

JADUAL 2

KEDUDUKAN WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 DAN 2011

	2012 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)
WANG TUNAI DALAM BANK	2.97	5.21
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	4.50	0.16
WANG TUNAI DALAM TANGAN	0.33	0.32
JUMLAH WANG TUNAI	7.80	5.69

Pelaburan

Amaun Pelaburan yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dalam Kumpulanwang Disatukan pada 31 Disember 2012 berjumlah RM1,184.45 juta. Amaun ini terdiri daripada pelaburan Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,150 juta, pelaburan ekuiti sebanyak RM31.45 juta dan pelaburan Kumpulanwang Amanah berjumlah RM3 juta. Semua Deposit Dalam Negeri berjumlah RM1,150 juta adalah simpanan tetap yang melebihi tempoh 3 bulan yang dikategorikan sebagai pelaburan. (*Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS*)

LAPORAN BENDAHARI NEGERI


KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan tahun 2012 dengan lebihan berjumlah RM114.47 juta. Lebihan ini berpunca daripada hasil yang diperolehi berjumlah RM654.55 juta berbanding perbelanjaan mengurus sejumlah RM540.08 juta. Lebihan ini menjadikan jumlah baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan meningkat daripada RM710.81 juta dalam tahun berakhir 2011 menjadi RM825.28 juta bagi tahun berakhir 2012.

Carta 2 menunjukkan kedudukan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan dari tahun 2008 sehingga tahun 2012.

**CARTA 2 : KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2008 – 2012**




LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Prestasi Hasil Negeri

Punca hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Carta 3 menunjukkan peratusan agihan komponen-komponen hasil bagi tahun 2012. Pada tahun 2012 terdapat pertambahan hasil sebanyak RM51.66 juta berbanding tahun 2011. Prestasi hasil negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di Jadual 3.

CARTA 3: PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN HASIL TAHUN 2012



JADUAL 3

**PRESTASI HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KOMPONEN HASIL
BAGI TAHUN 2008—2012**

KOMPONEN	TAHUN				
	2008 (RM JUTA)	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)
HASIL CUKAI	110.15	111.93	116.29	118.17	116.64
HASIL BUKAN CUKAI	186.76	197.91	197.92	212.11	416.43
TERIMAAN BUKAN HASIL	74.23	66.67	96.49	272.61	121.48
JUMLAH	371.14	376.51	410.70	602.89	654.55

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2012 menurun sebanyak RM1.53 juta berbanding tahun 2011. Sumber terbesar Hasil Cukai terdiri dari Cukai Langsung iaitu Cukai Tanah. Pada tahun 2012 Hasil Cukai Tanah yang dikutip adalah sebanyak RM104.25 juta. Jumlah ini menurun sebanyak RM1.79 juta berbanding 2011.

Hasil Bukan Cukai

Pungutan Hasil Bukan Cukai pada tahun 2012 meningkat sejumlah RM204.32 juta berbanding tahun 2011. Hasil Bukan Cukai terdiri daripada Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan Dari Jualan Barang-barang, Sewaan, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan dan Denda Dan Hukuman. Peningkatan mendadak bagi hasil di bawah kategori ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil daripada Premium Tanah - Pemberian Milik Bayaran Khas.

Terimaan Bukan Hasil


Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2012 berjumlah RM121.48 juta menunjukkan penurunan sejumlah RM151.13 juta berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM272.61 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012 berjumlah RM540.08 juta. Perbelanjaan ini meliputi Perbelanjaan Tanggungan sejumlah RM15.04 juta dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM540.08 juta. Komponen-komponen perbelanjaan ini terdiri daripada Maksud Emolumen sebanyak RM124.65 juta, Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM98.38 juta, Perolehan Aset sebanyak RM3.14 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM311.45 juta serta Perbelanjaan Lain sebanyak RM2.46 juta. Carta 4 menunjukkan Peratusan Komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan tahun 2012 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2011. Prestasi Perbelanjaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di Jadual 4.

**CARTA 4 : PERATUSAN AGIHAN KOMPONEN-KOMPONEN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2012**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

JADUAL 4

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT KOMPONEN PERBELANJAAN TAHUN 2008-2012

KOMPONEN	TAHUN				
	2008 (RM JUTA)	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)
EMOLUMEN	98.53	101.74	109.03	112.65	124.65
PERKHIDMATAN & BEKALAN	58.68	66.02	72.07	86.88	98.38
ASET	1.26	2.72	1.89	3.13	3.14
PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	122.79	110.39	188.29	260.54	311.45
PERBELANJAAN LAIN	1.89	18.30	5.88	1.38	2.46
JUMLAH	283.15	299.17	377.16	464.58	540.08

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Emolumen

Perbelanjaan untuk Maksud Emolumen adalah berjumlah RM124.65 juta pada tahun 2012 dan jumlah ini meningkat sejumlah RM12 juta berbanding tahun 2011 sejumlah RM112.65 juta. Pertambahan ini disebabkan oleh kenaikan gaji serta pemberian bonus kepada kakitangan Kerajaan Negeri .

Perkhidmatan dan Bekalan

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan merangkumi perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan perhubungan serta perbelanjaan bekalan bahan mentah. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak RM11.50 juta berbanding tahun 2011.

Aset

Perolehan Aset telah meningkat sebanyak RM0.01 juta berbanding tahun 2011. Komponen perbelanjaan ini tidak menunjukkan peningkatan yang banyak memandangkan perbelanjaan berhemah Kerajaan Negeri.

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah meningkat berbanding tahun 2011 sejumlah RM50.91 juta. Jumlah perbelanjaan bagi maksud ini pada tahun 2011 adalah sebanyak RM260.54 juta.

Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain

Jumlah Perbelanjaan Lain bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM2.46 juta iaitu meningkat sebanyak RM1.08 juta berbanding tahun 2011.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Pinjaman Dalam Negeri

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman dan pindahan pinjaman ke Kumpulanwang Pembangunan. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2012 adalah sifar iaitu sama dengan baki pada akhir tahun 2011. Baki pada akhir tahun menunjukkan amaun sifar disebabkan pinjaman tersebut telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan. Jumlah terimaan pinjaman yang telah dipindahkan ke Kumpulanwang Pembangunan dalam tahun 2012 adalah sebanyak RM14.69 juta, bertambah berbanding tahun 2011 sebanyak RM6.59 juta. Jadual 5 menunjukkan prestasi akaun pinjaman disatukan dari tahun 2008 hingga 2012

JADUAL 5

PRESTASI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

TAHUN 2008-2012

PERIHAL	TAHUN				
	2008 (RM JUTA)	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)
BAKI PADA 1 JANUARI	0	0	0	0	0
TERIMAAN PINJAMAN	133.62	64.51	5.79	6.59	14.69
PINDAHAN KE KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	133.62	64.51	5.79	6.59	14.69
BAKI PADA 31 DISEMBER	0	0	0	0	0


LAPORAN BENDAHARI NEGERI

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Wang Deposit. Baki Kumpulanwang ini pada 31 Disember 2012 berjumlah RM366.96 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM55.98 juta berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM422.94 juta.

Carta 5 menunjukkan Akaun Amanah Disatukan dari tahun 2008 hingga 2012.

**CARTA 5: KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN NEGERI
DARI TAHUN 2008 – 2012**



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Kumpulanwang Pembangunan

Kumpulanwang ini telah memperakaunkan penerimaan sebanyak RM127.34 juta bagi tahun 2012 yang terdiri daripada Pemberian (TAHAP) Pembangunan Ekonomi, Sewa Beli Daripada Perumahan Murah, Jualan Rumah Kos Rendah, Bayaran Balik Pinjaman dan Pindahan Peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan.


Jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM181.53 juta, di mana RM169.53 juta adalah perbelanjaan cara langsung dan RM12 juta dari perbelanjaan pinjaman. Prestasi baki Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di Jadual dan Carta 6.

JADUAL 6

**PRESTASI KUMPULANWANG PEMBANGUNAN
TAHUN 2008 - 2012**

	TAHUN				
	2008 (RM JUTA)	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)
BAKI TAHUN SEBELUM	102.33	189.76	176.21	80.42	99.86
TERIMAAN	239.38	155.67	130.16	190.49	127.34
PERBELANJAAN	151.94	169.21	225.95	171.05	181.53
BAKI TAHUN BERAKHIR	189.76	176.21	80.42	99.86	45.67

CARTA 6 : PRESTASI KUMPULANWANG PEMBANGUNAN TAHUN 2008 - 2012



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang diwujudkan dari peruntukan Kerajaan Negeri. Antara akaun-akaun amanah berkenaan adalah Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan dan Komputer, Pendahuluan Diri, Pendahuluan Pelbagai, Pinjaman Penuntut, Pelbagai Akaun Penyelesaian, Akaun Amanah Tabung TYT, Kumpulanwang Penyelenggaraan Jalanraya Negeri dan lain-lain Pelbagai Kumpulanwang. Secara keseluruhannya baki jumlah Kumpulanwang Amanah Kerajaan ini menurun sebanyak RM11.47 juta berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM129.49 juta.

Kumpulanwang Amanah Awam

Kumpulanwang Amanah Awam ini terdiri daripada akaun-akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu. Baki Kumpulanwang ini pada tahun berakhir 2012 ialah sebanyak RM112.87 juta menurun sejumlah RM4.04 juta berbanding baki bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 yang berjumlah RM116.90 juta.

Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit ini adalah merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Sehingga akhir tahun 2012 terdapat 149 akaun wang deposit yang keseluruhannya berjumlah RM90.40 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kewangan.

ASET

Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan, Hasil Belum Terima dan Bayaran Air Mentah.

Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Jelutong Development Sdn. Bhd.

Sehingga tahun 2012, baki Pinjaman Boleh Dituntut adalah sebanyak RM119.64 juta terdiri daripada pinjaman kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebanyak RM2.61 juta, Majlis Perbandaran Seberang Perai sebanyak RM64.84 juta, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebanyak RM6 juta, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. sebanyak RM13 juta dan Jelutong Development Sdn. Bhd. sebanyak RM33.18 juta.

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

Pelaburan

Pelaburan yang dilaporkan di dalam Akaun Memorandum menunjukkan pelaburan yang dibuat melalui syarikat-syarikat pengurus dana yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, pelaburan dalam unit amanah dan pelaburan ekuiti dalam Syarikat PBA Holdings Bhd. Jumlah nilai pelaburan sehingga akhir tahun 2012 ialah RM240.62 juta.

Hasil Belum Terima

Sehingga tahun berakhir 31 Disember 2012, Hasil Belum Terima Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM78.30 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM0.46 juta berbanding tahun 2011 iaitu RM77.84 juta. Sebahagian besar hasil yang belum terima ini adalah terdiri dari Cukai Tanah yang belum diterima iaitu sebanyak RM57.95 juta.

Bayaran Air Mentah

Baki Bayaran Air Mentah bagi tahun berakhir 2012 adalah sejumlah RM14.37 juta.

LIABILITI

Hutang Awam Kerajaan Negeri

Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun berakhir 31 Disember 2012 berjumlah RM49.23 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM12.51 juta berbanding tahun 2011 berjumlah RM36.72 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan terdapat pinjaman baru yang diterima pada tahun 2012

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2012.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2012.

DATO' HAJI MOKHTAR BIN MOHD JAIT
Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang
11 Januari 2013

ROSMAH BINTI ISMAIL
Bendahari Negeri Pulau Pinang
11 Januari 2013

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>2011</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	7,803,730	5,690,394
PELABURAN	4	1,184,450,000	1,128,057,347
		<hr/>	<hr/>
		1,192,253,730	1,133,747,741
		<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	825,285,384	710,809,941
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	366,968,346	422,937,800
		<hr/>	<hr/>
		1,192,253,730	1,133,747,741
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>2011</u>
		RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		116,642,591	118,176,654
Hasil Bukan Cukai		416,427,024	212,110,258
Terimaan Bukan Hasil		<u>121,482,748</u>	<u>272,607,203</u>
		654,552,363	602,894,115
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		14,689,358	6,589,329
		<u>14,689,358</u>	<u>6,589,329</u>
Terimaan Modal	7		
Terimaan Balik Pinjaman		-	-
Jualan Aset Modal		-	-
Pelbagai Terimaan Modal		57,339,301	40,489,325
Jualan Instrumen Kewangan		<u>-</u>	<u>600,000</u>
		57,339,301	41,089,325
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		<u>-</u>	<u>-</u>
		<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah Terimaan		<u>726,581,022</u>	<u>650,572,769</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	2012 <i>RM</i>	2011 <i>RM</i>	2011 <i>RM</i>
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus	5			
Emolumen		124,647,694		112,647,677
Perkhidmatan dan Bekalan		98,379,591		86,879,353
Aset		3,139,876		3,134,906
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		239,277,534		108,125,690
Perbelanjaan Lain		<u>2,455,941</u>	467,900,636	<u>1,379,418</u>
				312,167,044
Perbelanjaan Pembangunan	7			
Langsung		169,530,883		171,050,388
Pinjaman		<u>12,000,000</u>	181,530,883	<u>-</u>
				171,050,388
Perbelanjaan Modal				
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>56,392,653</u>	56,392,653	<u>-</u>
Pinjaman	6			
Dalam Negeri		2,176,284		2,409,696
Kepada Agensi		<u>14,689,358</u>	16,865,642	<u>6,589,329</u>
				8,999,025
Bayaran Lain				
Akaun Amanah	7	<u>1,777,871</u>	1,777,871	<u>155,182,257</u>
				155,182,257
Jumlah Bayaran		<u>724,467,685</u>		<u>647,398,714</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			2,113,337	3,174,055
Wang Tunai Pada 1 Januari			5,690,394	2,516,339
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>7,803,731</u>		<u>5,690,394</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

		<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	385,888,330	654,552,364
<i>Tolak:</i> Belanja Mengurus	5	599,595,323	470,076,921
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(213,706,993)	184,475,443
<i>Tolak:</i> Belanja Pembangunan	7	332,933,650	181,530,883
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(546,640,643)	2,944,560
DIBIAYAI OLEH:			
Pinjaman	6	14,689,358	6,589,329
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	42,649,943	33,899,996
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7	(60,283,861)	(157,756,311)
JUMLAH PEMBIAYAAN		(2,944,560)	(117,266,986)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2012

	<u>Nota</u>	<u>2012</u>	<u>2011</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut		119,636,013	79,284,270
Pelaburan		240,616,960	234,408,766
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	49,234,066	36,720,993

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

DASAR DAN KAEDEH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuai seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan bagi tahun 2012 telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* - *Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 <i>RM</i>	2011 <i>RM</i>
Wang Tunai Dalam Bank	2,967,690	5,208,827
Wang Tunai Dalam Perjalanan	4,503,640	158,667
Wang Tunai Dalam Tangan	332,400	322,900
JUMLAH WANG TUNAI	7,803,730	5,690,394

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am juga merangkumi pelaburan daripada penukaran pinjaman kepada ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012		2011	
	<i>Nilai Buku</i>		<i>Nilai Buku</i>	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Saham	-	31,450,000	-	31,450,000
Deposit Dalam Negeri	3,000,000	1,150,000,000	3,607,347	1,093,000,000
<i>Jumlah</i>	3,000,000	1,181,450,000	3,607,347	1,124,450,000
JUMLAH PELABURAN	1,184,450,000		1,128,057,347	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012		2011	
	Anggaran	Sebenar	Anggaran	Sebenar
	RM	RM	%	RM
BAKI PADA 1 JANUARI		710,809,941		572,492,567
HASIL				
Hasil Cukai	127,500,000	116,642,592	91.48	118,176,654
Hasil Bukan Cukai	145,270,330	416,427,024	286.66	212,110,258
Terimaan Bukan Hasil	113,118,000	121,482,748	107.39	272,607,203
<i>Jumlah Hasil</i>	385,888,330	654,552,364	169.62	602,894,115
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	132,482,434	124,647,694	94.09	112,647,678
Perkhidmatan dan Bekalan	107,474,959	98,379,591	91.54	86,879,353
Aset	3,407,683	3,139,876	92.14	3,134,906
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**	171,399,007	241,453,819	140.87	110,535,386
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	4,831,240	2,455,941	50.83	1,379,418
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	419,595,323	470,076,921	112.03	314,576,741
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	180,000,000	70,000,000		150,000,000
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	599,595,323	540,076,921	90.07	464,576,741
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		114,475,443		138,317,374
BAKI PADA 31 DISEMBER		825,285,384		710,809,941

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

- Perbelanjaan yang melebihi peruntukan telah ditampung dengan peruntukan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM110,000,000.00 . Pindahan sebenar adalah sebanyak RM70,000,000.00.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012		2011	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	RM	RM
HASIL CUKAI				
Cukai Tanah	118,100,000	118,100,000	104,249,741	88.27
Cukai Parit Dan Talair	750,000	750,000	666,878	88.92
Cukai Langsung Yang Lain	150,000	150,000	229,167	152.78
Cukai Hiburan	8,500,000	8,500,000	11,496,806	135.26
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	127,500,000	127,500,000	116,642,592	91.48
				118,176,654
				100.70 (disambung)

(sambungan)

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012		2011	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar
	RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL BUKAN CUKAI				
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,468,570	9,468,570	7,475,391	78.95
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	38,482,970	38,482,970	58,195,136	151.22
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	45,494,390	45,494,390	288,392,456	633.91
Sewaan	5,239,400	5,239,400	5,517,825	105.31
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan	40,735,000	40,735,000	51,596,948	126.66
Denda dan Hukuman	5,850,000	5,850,000	5,249,268	89.73
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	<i>145,270,330</i>	<i>145,270,330</i>	<i>416,427,024</i>	<i>286.66</i>
TERIMAAN BUKAN HASIL				
Pulangan Balik Perbelanjaan	34,035,000	34,035,000	33,401,708	98.14
Terimaan daripada Agensi-agensi	79,083,000	79,083,000	88,081,040	111.38
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	<i>113,118,000</i>	<i>113,118,000</i>	<i>121,482,748</i>	<i>107.39</i>
JUMLAH HASIL	385,888,330	385,888,330	654,552,364	169.62
(b) Perbelanjaan Mengurus				

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2012		% Anggaran
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	
	Sebenar RM		
PERBELANJAAN TANGGUNGAN			
T. 01 Peruntukan Diraja	2,414,320	2,414,320	97.38
T. 02 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	228,000	228,000	87.95
T. 03 Jabatan Kewangan Negeri	50,679,410	50,679,410	24.64
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>53,321,730</i>	<i>53,321,730</i>	<i>28.20</i>
PERBELANJAAN BEKALAN			
B. 01 Pejabat Ketua Menteri Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan	118,740,313	118,740,313	92.01
B. 02 Pejabat Tanah Dan Galian	7,960,340	7,960,340	95.37
B. 03 Pejabat Daerah Dan Tanah, Daerah Timur Laut	5,990,640	5,990,640	92.63
B. 04 Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya	5,351,500	5,351,500	94.52
B. 05 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara	5,998,174	5,998,174	99.02
B. 06 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah	5,831,932	5,831,932	98.24
B. 07 Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	4,724,050	4,724,050	99.15
B. 08 Jabatan Pengairan Dan Saliran	28,750,358	28,750,358	99.24
B. 09 Jabatan Perhutanan	2,758,520	2,758,520	96.61

(disambung)

(sambungan)

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2012			% Anggaran
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 10 Jabatan Taman Botani	3,836,330	3,836,330	3,420,251	89.15
B. 12 Jabatan Kerja Raya	30,012,369	30,012,369	28,448,524	94.79
B. 13 Jabatan Hal Ehwal Agama	14,494,750	14,494,750	13,803,034	95.23
B. 14 Jabatan Kebajikan Masyarakat	6,504,990	6,504,990	6,262,242	96.27
B. 15 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	3,106,300	3,106,300	2,868,338	92.34
B. 16 Jabatan Kewangan Negeri	283,346,450	283,346,450	207,202,156	73.13
B. 17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5,002,850	5,002,850	4,417,979	88.31
B. 18 Jabatan Pertanian	6,950,380	6,950,380	6,867,354	98.81
B. 19 Jabatan Mufti	2,180,880	2,180,880	2,095,187	96.07
B. 20 Jabatan Kehakiman Syariah	4,732,467	4,732,467	4,650,929	98.28
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	366,273,593	546,273,593	455,039,580	83.30
PERBELANJAAN MENGURUS	599,595,323	599,595,323	470,076,921	78.40
PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN			70,000,000	
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas pindahan)			540,076,921	

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

Bayaran faedah hutang negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,999,792 seperti di Nota 5(b).

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012		2011	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM		
PINJAMAN				
Badan Berkanun				
Baki pada 1 Januari				
Terimaan				
Bayaran				
Baki pada 31 Disember	3,850,000 (3,850,000)	-	589,329 (589,329)	-
Bekalan Air				
Baki pada 1 Januari				
Terimaan				
Bayaran				
Baki pada 31 Disember	10,839,358 (10,839,358)	-	6,000,000 (6,000,000)	-
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN				

Di Penyata Prestasi Kewangan Pinjaman Negeri berjumlah RM14,689,358 untuk tahun 2012 adalah terimaan bersih tahun semasa.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 01.01.2012 (Debit)/Kredit	Debit	Kredit	Baki pada 31.12.2012 (Debit)/Kredit
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	99,863,569	181,530,883	127,339,301	45,671,988
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	-			-
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	129,485,771	2,771,817,733	2,760,357,115	118,025,153
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>229,349,340</i>	<i>2,953,348,616</i>	<i>2,887,696,416</i>	<i>163,697,141</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
